

'Saya kumpul kekuatan'

Faezah kuat tekad tamat pengajian selepas hilang ibu bapa, 2 adik dalam kebakaran



Kampus

→ → →

>>Oleh Helmy Abd Rahman
helmy@hmetro.com.my

SERDANG: Peristiwa menyayat hati dua tahun lalu apabila kedua-dua ibu, bapa serta dua adiknya maut se-rentak dalam tragedi kebakaran tidak mematahkan semangat Faezah Noor Kas-muri, 22, dari Batu Pahat, Johor, untuk meneruskan pengajian hingga selesai se-kali gus menggenggam se-gulung ijazah.

Graduan Bachelor Pengkhusus Bahasa Inggeris itu berbakti, sungguhpun pada awalnya patah semangat, dia berjaya kuatkan tekad untuk tidak mengaku kalah akibat kejadian meruntun perasaan itu.

Katanya, dia berharap ke-azaman ditunjukkan untuk meneruskan pengajian akan



TAHNIAH...Faezah Noor (kanan) menerima ucapan tahniah daripada tenaga pengajar UPM sambil disaksikan Salahuddin (dua dari kiri), Farhana dan Juliana.

dituruti adik-adiknya hingga berjaya dalam hidup sekali gus membawa keluarga mereka keluar dari belenggu ke-miskinan.

"Saya anak sulung dan kerana itu muhi tidak mahu

perlu juga berjuang meneruskan pengajian bagi membantu tiga adik lain yang terselamat dalam kejadian itu.

"Malah, kejadian itu menyebabkan kami adik ber-

adik jadi lebih peka untuk belajar ke peringkat lebih tinggi. Selain saya, dua adik, Salahuddin, 21, dan Juliana sedang meneruskan pengajian di peringkat ijazah sar-jana muda sementara Far-

hana berada di tingkatan li-ma," katanya ketika ditemui pada Majlis Konvokesyen ke-33 Universiti Putra Ma-laysia (UPM) di sini, sema-lam.

Menceritakan tragedi me-ragut nyawa empat orang pa-ling disayanginya itu, Faezah Noor berkata, ketika ke-jadian, dia berada dalam tahun dua di universiti terbabit.

"Luluh hati ketika diberi-tahu mengenai kejadian itu hingga kering air mata di-buatnya. Tapi bila sedar ha-kikat takdir dan mengenang-kan adik-adik lain, saya kumpul kekuatan untuk ter-uskan juga pengajian," ka-tanya.

Ditanya perancangan masa terdekatnya, Faezah Noor berkata, dia sedang berusaha mencari apa juga kerja yang boleh menampung keperlu-an diri dan tiga adiknya.

"Sekarang ini kami tinggal dengan nenek yang serba ke-daifan. Saya harap selepas ini segera dapat kerja untuk membolehkan saya mem-bantu keluarga," katanya.